

Tarikh Dibaca: 03 SEPT 2021M | 25 Muharram 1443H



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

**“KEPENTINGAN HADIS NABI DALAM
BERAGAMA”**

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



"KEPENTINGAN HADIS NABI DALAM BERAGAMA"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ...وَمَا ءَاتَاكُمْ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا^١ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٧﴾^١

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ۚ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾^٢

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan juga kepada seluruh hadirin sekalian, marilah sama-sama kita memperkukuhkan ketakwaan kepada Allah, dengan melaksanakan segala perintah dan suruhan-Nya serta menjauhi segala larangan dan tegahan-Nya. Semoga dengan demikian, kita sentiasa mendapat kasih dan rahmat daripada Allah SWT.

Khutbah pada hari ini bertajuk: **"KEPENTINGAN HADIS NABI DALAM BERAGAMA."**

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,

¹ Al-Hasyr : 7.

² Ali Imran : 102.



Al-Quran dan hadis Nabi SAW adalah sumber wahyu yang saling melengkapi antara satu sama lain. Al-Quran berfungsi sebagai kitab yang menjelaskan ajaran agama secara umum. Sementara hadis Nabi pula berperanan memperincikan ajaran-ajaran umum berkenaan supaya ia dapat diamalkan. Sebagai contoh, al-Quran telah memerintahkan umat Islam agar menunaikan solat dan mengeluarkan zakat, seperti yang disebut di dalam surah al-Baqarah ayat 43:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكُعُوا مَعَ الرَّاٰكِعِيْنَ

“Dan dirikanlah solat dan keluarkanlah zakat, serta rukuklah kamu (berjemaah) bersama orang-orang yang rukuk.”

Namun, ayat ini hanya menjelaskan perintah solat dan zakat secara umum dan tidak memperincikan hal-hal lain yang berkaitan. Maka di sinilah, datangnya peranan hadis-hadis Nabi SAW yang memperincikan jenis-jenis solat yang wajib dan yang sunat, menjelaskan waktu solat dan bilangan rakaat, mengajarkan bacaan-bacaan tertentu ketika berdiri, rukuk, iktidal, duduk dan sujud, menghuraikan syarat sah solat, perkara-perkara yang membatalkan solat dan sebagainya. Demikian juga dengan ibadah zakat. Hadis-hadis Nabi berfungsi menghuraikan jenis-jenis harta yang wajib dizakatkan, menjelaskan kadar minimum yang menjadikan sesuatu harta itu wajib dizakatkan, memperincikan kadar-kadar zakat seperti 2.5%, 1/10, 1/20 dan sebagainya dari harta-harta tertentu. Semua perincian ini tidak akan diketahui andainya tidak ada hadis Nabi yang memberikan penjelasan lanjut.

Atas sebab inilah Imam al-Awza`iy menegaskan bahawa kitab al-Quran sentiasa memerlukan penjelasan agama daripada hadis Nabi SAW. Demikian juga Imam Ahmad menjelaskan bahawa sunnah-sunnah Nabi berfungsi sebagai penjelas dan pentafsir kepada ayat-ayat al-Quran yang



umum. Tanpa hadis Nabi, banyak ajaran agama tidak dapat difahami dan dilaksanakan dengan betul. Malah Imam al-Syafie di dalam kitabnya 'al-Risalah' juga berkata, seandainya tidak ada keterangan dari hadis-hadis Rasulullah, kita tentu tidak tahu bagaimana melaksanakan sesuatu ibadah. Justeru, mengikut hadis-hadis Nabi SAW hakikatnya adalah mengikut perintah Allah SWT jua. Hal ini telah ditegaskan di dalam surah al-Nisa` ayat 80:

مَنْ يُطِيعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ

"Sesiapa yang mentaati Rasulullah, sesungguhnya dia telah mentaati Allah juga."

Muslimin yang dirahmati oleh Allah sekalian,

Para ulama telah menjelaskan bahawa hubungan hadis dengan al-Quran berlaku dalam tiga bentuk:

Pertama : Hadis Nabi SAW berperanan sebagai mengukuhkan perkara-perkara yang sudah ada dalam al-Quran seperti kewajipan mempercayai rukun iman, larangan mensyirikkan Allah, kewajipan menunaikan solat, berpuasa di bulan Ramadhan, melaksanakan haji, tegahan menderhaka kepada kedua ibu bapa, keharusan berjual beli dan sebagainya. Pengulangan isu yang sama di dalam hadis Nabi adalah sebagai pengukuhan terhadap apa yang sudah disebutkan di dalam al-Quran.

Kedua : Hadis Nabi SAW berfungsi memperincikan ayat-ayat al-Quran yang umum dan mutlak, seperti menghuraikan kaifiyat melaksanakan solat, berpuasa, berzakat, menjelaskan jenis jual beli yang dibenarkan dan yang diharamkan, menghuraikan bentuk-bentuk riba dan seumpamanya. Perkara-perkara seumpama ini tidak akan dapat difahami melainkan dengan merujuk kepada huraian Nabi dalam hadis-hadisnya.



Ketiga : Hadis Nabi SAW juga menjelaskan perkara-perkara yang tidak pernah disebutkan oleh al-Quran, sama ada dalam bentuk mewajibkan, mengharamkan atau mengharuskan sesuatu perkara, seperti mengharamkan pemakaian emas dan sutera kepada kaum lelaki, menegah memakan haiwan-haiwan yang bertaring dan berkuku tajam, keharusan kontrak perniagaan tertentu seperti kontrak pelaburan, perkongsian untung-rugi dan sebagainya. Perkara-perkara ini tidak disentuh di dalam al-Quran. Namun hadis-hadis Nabi berperanan memberikan maklumat tambahan kepada manusia.

Ketiga-tiga hubungan ini menunjukkan betapa umat Islam wajib memahami agama Islam melalui al-Quran dan Hadis.

Namun, golongan yang menolak hadis berpendapat, cukuplah al-Quran sebagai rujukan dan tidak perlu ditokok tambah lagi dengan hadis-hadis Nabi SAW. Golongan ini sebenarnya persis sepertimana yang telah dikhabarkan kepada kita tentang kemunculannya melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abi Rafi' Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا أَلْفِينَ أَحَدَكُمْ مُتَكِنًا عَلَى أَرِيكَتِهِ يَأْتِيهِ الْأَمْرُ مِنْ
أَمْرِي مِمَّا أَمَرْتُ بِهِ أَوْ نَهَيْتُ عَنْهُ، فَيَقُولَ: لَا أَدْرِي، مَا
وَجَدْنَا فِي كِتَابِ اللَّهِ اتَّبَعْنَاهُ.

"Janganlah sesekali aku temui seseorang daripada kamu yang sedang bersandar di atas sofanya, kemudian datang satu perkara daripada urusanku sama ada perkara itu yang aku suruh atau yang aku larang, namun dia berkata: Aku tidak tahu, apa yang kami temui dalam kitab Allah sahaja yang kami ikut".



(Riwayat Abu Daud, al-Tirmizi dan Ibn Majah).

Sedangkan, mengambil hadis dalam beragama bukanlah bererti kita mengetepikan ajaran al-Quran. Malah merujuk kepada hadis dan sunnah Nabi Muhammad SAW itu sendiri adalah sebahagian dari suruhan al-Quran. Lihatlah bagaimana al-Quran sendiri telah memerintahkan kita supaya mentaati Rasulullah SAW dalam suruhan dan tegahannya menerusi surah al-Hasyr, ayat 7 sepertimana disebut pada awal khutbah ini yang bermaksud:

"Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu, hendaklah kamu terima dan amalkannya. Dan apa jua yang ditegahnya kepada kamu, hendaklah kamu patuhi larangannya. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksa-Nya."

Justeru, umat Islam tidak boleh mengasingkan hadis daripada al-Quran kerana ia akan menimbulkan salah faham dan kesesatan dalam beragama. Secara logiknya, jika hadis Nabi ditolak dan tidak diamalkan, bagaimana kita dapat mendirikan solat dengan betul? Bagaimana cara berpuasa? Harta apakah yang wajib dizakatkan? Bagaimanakah proses ibadah haji dilakukan? Apakah ciri-ciri halal dan haram dalam jual beli? Dan sebagainya. Separuh dari ajaran agama ini tidak dapat dilaksanakan jika hadis Nabi ditolak ke tepi.

Demikianlah pentingnya hadis Nabi dalam beragama. Tanpa hadis, tentunya umat Islam tidak akan mampu untuk melaksanakan amalan-amalan agama. Barangkali setiap orang akan melaksanakan ajaran agama mengikut selera dan kefahamannya sendiri. Ini akan menyebabkan agama Islam dilihat sebagai cacamarba dan tidak bersistematik. Justeru, bagi membetulkan asas dalam beragama, Rasulullah SAW mengingatkan umatnya agar menjadikan al-Quran dan hadis sebagai rujukan bersama.



Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنِّي قَدْ تَرَكْتُ فِيكُمْ شَيْئَيْنِ، لَنْ تَضِلُّوا بَعْدَهُمَا:
كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّتِي.

"Sesungguhnya aku telah meninggalkan untuk kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selama berpegang dengan kedua-duanya, iaitu kitab al-Quran dan sunnahku."

(Riwayat Al-Hakim)

Hadirin sekalian,

Mengakhiri khutbah ini, terdapat beberapa kesimpulan dan pengajaran yang boleh kita fikir dan renungkan.

1. Umat Islam wajib memahami bahawa ajaran agama Islam hanya dapat dilaksanakan dengan betul apabila kita merujuk kepada al-Quran dan hadis-hadis Nabi SAW.
2. Umat Islam mestilah menolak golongan anti hadis, golongan yang mempertikaikan keperluan hadis, dan golongan yang berfahaman liberal, sekular dan sebagainya.
3. Umat Islam wajib menyedari bahawa menolak hadis dalam beragama akan menyebabkan ketempangan dalam amalan, kesesatan dalam memahami ajaran Islam dan menyebabkan amalan kita tidak diterima di sisi Allah SWT.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
لَا تَجْعَلُوا دُعَاءَ الرَّسُولِ بَيْنَكُمْ كَدُعَاءِ بَعْضِكُمْ بَعْضًا قَدْ يَعْلَمُ
اللَّهُ الَّذِينَ يَتَسَلَّلُونَ مِنْكُمْ لِوَاذًا فَلْيَحْذَرِ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَنْ
تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٦٣﴾

“Janganlah kamu jadikan seruan atau panggilan Rasulullah di antara kamu seperti seruan atau panggilan sesama kamu; sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang di antara kamu yang menarik diri keluar (dari majlis Nabi) secara berselindung dan bersembunyi. Oleh itu, hendaklah mereka yang mengingkari perintah-Nya, beringat serta berjaga-jaga jangan mereka ditimpa bala bencana atau ditimpa azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

(Surah al-Nur : 63)..

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا
اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19. Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera untuk mendapatkan suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi SOP dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak Covid-19 demi keselamatan diri serta masyarakat.



Dalam kita berhadapan dengan wabak ini, janganlah kita mengambil jalan mudah dengan memudarat dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berasaskan keimanan yang mantap.

Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعِينِ



عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُورِ، تَعَكَوْ اَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج، فِي
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.
اَللّٰهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمَوْظَفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meniggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu

Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ ﴿٢٠١﴾.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.